



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
(KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR)  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50660 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-26164488 Fax : 603-26925657 Homepage : <http://www.forestry.gov.my>



Ruj. Kami : JH/126 Jld. 3 ( 3 )  
Tarikh : 11 Februari 2014

**Pengarah Perhutanan Negeri:**

Johor, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu,  
Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Pulau Pinang,  
Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**Pengarah-Pengarah Bahagian:**

Perancangan & Ekonomi Hutan, Pengurusan Hutan, Ladang Hutan Dan Perlindungan Hutan, Latihan Perhutanan Hutan, Silvikultur & Kepelbagaian Biologi Hutan, Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, Kejuruteraan Hutan, Penguatkuasaan Hutan, Perundangan & Pendakwaan, Teknikal & Industri Kayu, Pengurusan Maklumat, Hal Ehwal Antarabangsa Dan Khidmat Pengurusan.

Ketua Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2014 – POLISI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN  
MAKLUMAT GEOSPATIAL JPSM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tercatat di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sedar dan peka bahawa perkongsian maklumat geospasial adalah menjadi satu keperluan bagi melicinkan pentadbiran negara dan menambahbaik sistem penyampaian kerajaan.
3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Bilangan 3 Tahun 2013 pada 17 Disember 2013 telah bersetuju Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2014 dikeluarkan bertajuk Polisi Perkongsian dan Penyebaran Data Geospasial JPSM untuk membolehkan perkongsian dan penyebaran data geospasial JPSM dapat dilaksanakan dengan teratur.
4. Pemakaian Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2014 adalah berkuatkuasa mulai **11 Februari 2014**.

5. Semua warga JPSSM adalah diarah mematuhi Pekeliling KPPSM ini semasa berurusan berkaitan pemberian maklumat geospasial kepada pihak luar.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' PROF. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan,  
Semenanjung Malaysia

s.k. YBhg. Dato' Prof. Dr. KPPSM  
YBhg. Dato' TKP (DP)  
YBhg. Dato' TKP (OT)



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BIL. 1/2014 : POLISI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT  
GEOSPATIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

## **1.0 PENGENALAN**

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bil. 1 Tahun 2012**. Garis panduan ini bertujuan untuk memudahkan perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) kepada agensi-agensi kerajaan, menjelaskan bagaimana perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial boleh dilakukan dalam usaha mengelak pertindihan dalam kutipan data dan mengoptimumkan penggunaannya. Garis panduan ini menerangkan maksud perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial, aspek-aspek yang perlu dipatuhi serta keperluan dan penetapan kaedah / prosedur perkongsian maklumat geospasial kepada agensi kerajaan, swasta, orang awam dan institut pendidikan / penyelidikan melalui MyGDI.

## **2.0 KEPERLUAN POLISI**

JPSM merupakan antara agensi pembekal data berdasarkan **Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI Bil. 1 Tahun 2008** dan tertakluk kepada **Garis Panduan Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial melalui MyGDI**. Perkongsian maklumat geospasial menitikberatkan aspek keselamatan dengan merujuk kepada pekeliling/arahan keselamatan semasa yang berkuat kuasa.

Tiga (3) aspek pelaksanaan polisi perkongsian :-

- (i) Pengelasan data – sama ada terperingkat atau terbuka (terhad dan tidak terhad);
- (ii) Penetapan terma dan syarat; dan
- (iii) Penetapan berbayar atau percuma.

## **3.0 POLISI JPSM**

Polisi ini akan dapat membenarkan maklumat geospasial JPSM dikongsi dalam MyGDI dan di luar MyGDI untuk tujuan pembangunan negara bagi mencapai status negara maju 2020, mengoptimumkan pelaburan kerajaan dalam data geospasial dan memberi faedah kepada semua. **Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT JPSM Bil. 3/2013** pada 17 Disember 2013 telah memutuskan bahawa :-

- (i) Semua data geospasial JPSM adalah dikelaskan sebagai **TERHAD**
- (ii) Syarat-syarat Pemberian Data Geospasial sepertimana pada **Lampiran 1**.
- (iii) Peringkat Perkongsian Data Geospasial sepertimana pada **Jadual 1**.

## **4.0 TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **11 Februari 2014**.

## LAMPIRAN 1



### **SYARAT-SYARAT PEMBERIAN DATA GEOSPATIAL BERCETAK ATAU DIGITAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM)**

Syarat-syarat ini adalah dikenakan kepada data yang diberikan secara berbayar ataupun secara percuma dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pemberian data geospasial bercetak atau digital dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

1. Data geospasial bercetak atau digital tidak dibenarkan sama sekali untuk disalinkan/diberi/dijual kepada mana-mana pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.
2. Kegunaan data geospasial bercetak atau digital JPSM hendaklah terhad dan tertakluk kepada syarat dan terma kelulusan yang diberi oleh JPSM sahaja.
3. Keselamatan data geospasial bercetak atau digital JPSM hendaklah dijaga dan terpelihara. Pemohon yang telah dibekalkan dengan data ini akan dipertanggungjawabkan sekiranya data tersebut disalin dan digunakan oleh mana-mana pihak lain tanpa memperolehi kelulusan JPSM.
4. Satu pengakuan penerimaan (*acknowledgement*) perlu dibuat oleh pemohon di atas sebarang cetakan daripada sebahagian atau keseluruhan data geospasial bercetak atau digital JPSM.
5. Satu (1) salinan laporan hasil penggunaan data bercetak atau digital bagi projek hendaklah dikemukakan ke JPSM dalam masa satu (1) bulan setelah projek tersebut siap dijalankan jika data diberikan secara percuma.
6. Mana-mana data berdigit JPSM yang telah ditambah nilai hendaklah diserahkan (sekiranya diminta) kepada JPSM tanpa sebarang kos.
7. Kegagalan pemohon mematuhi mana-mana syarat di atas (kecuali perkara (5)) adalah terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) serta Arahan Keselamatan dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada JPSM untuk mengambil tindakan undang-undang sewajarnya terhadap pemohon.
8. JPSM tidak bertanggungjawab ke atas tahap ketepatan data berdigit yang dibekalkan dan sebarang hasil analisa yang dijalankan dengan menggunakan data tersebut adalah di atas risiko pemohon itu sendiri.



No. Fail :

**AKUAN PENERIMAAN DATA GEOSPATIAL BERCETAK/DIGITAL\***

Adalah dimaklumkan bahawa saya \_\_\_\_\_  
No.K/P: \_\_\_\_\_ dari \_\_\_\_\_ (alamat  
rumah/organisasi)

\_\_\_\_\_ telah menerima sebanyak \_\_\_\_\_ salinan data geospacial  
bercetak/berdigit\* berjudul seperti berikut:-

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- (v) \_\_\_\_\_

pada (tarikh) \_\_\_\_\_ daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia  
dan bersetuju untuk mematuhi Syarat-syarat Pemberian Data Geospacial Bercetak  
atau Digital oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tujuan  
projek/kajian/penyelidikan

\_\_\_\_\_  
Saya faham bahawa saya/organisasi berhak disenarai hitam oleh JPMS atau  
dikenakan tindakan undang-undang sekiranya saya gagal untuk mematuhi syarat-  
syarat yang telah dinyatakan.

Yang Benar,

Saksi,

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Nama Pemohon :

Nama Saksi :

No. K/P :

No. K/P :

*\* Potong yang tidak berkenaan.*

**JADUAL 1 : PERINGKAT PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL MENGIKUT TRANSAKSI**

<b>Bil</b>	<b>Transaksi *</b>	<b>Polisi</b>
1	JPSM dengan Agensi Kerajaan (G2G)	Penyerahan data dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
2	JPSM dengan Pakar Runding Kerajaan (G2GC)	Penyerahan data dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
3	JPSM dengan Agensi Swasta / Pakar Runding Luar / Orang Awam (G2B)	Penyerahan data dalam bentuk salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
4	Pelajar dari Universiti Dalam Negara - Warganegara (G2E1) **	Penyerahan data dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
5	Pelajar dari Universiti Luar Negara - Warganegara (G2E2) **	Penyerahan data dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
6	Pelajar dari Universiti Dalam Negara - Bukan Warganegara (G2E3) **	Penyerahan data dalam bentuk salinan digital atau salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.
7	Pelajar dari Universiti Luar Negara - Bukan Warganegara (G2E4)**	Penyerahan data dalam bentuk salinan bercetak adalah berbayar dan tertakluk kepada kegunaan mengikut kelulusan sahaja.

*\* Semua transaksi perlu kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.*

*\*\* Semua pelajar perlu mengemukakan permohonan bertulis melalui Dekan / Ketua Jabatan universiti masing- masing.*